



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERISTIWA BAHASA BERDASARKAN KONSEP ARIF BUDIMAN  
DALAM NOVEL NANYANG***

**ADIBA NUR'AIN BINTI SHAHARUDDIN**

**FBMK 2022 28**



**PERISTIWA BAHASA BERDASARKAN KONSEP ARIF BUDIMAN DALAM  
NOVEL MANYANG**

Oleh

**ADIBA NUR'AIN BINTI SHAHARUDDIN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**November 2021**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **PERISTIWA BAHASA BERDASARKAN KONSEP ARIF BUDIMAN DALAM NOVEL NANYANG**

Oleh

**ADIBA NUR'AIN BINTI SHAHARUDDIN**

November 2021

**Pengerusi : Profesor Madya Norazlina binti Mohd Kiram, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Nilai yang baik menjadi teras pembentukan jati diri seseorang individu. Penghayatan terhadap nilai yang baik dapat melahirkan modal insan yang menyanjung tinggi agama, adat dan budaya bangsanya. Walau bagaimanapun, penghayatan nilai murni dilihat semakin berkurangan, santun dan budi bahasa dalam kalangan masyarakat juga semakin merosot. Selain itu, pemahaman masyarakat tentang konsep Arif Budiman juga masih samar sehingga menyebabkan konsep ini sukar direalisasikan. Dalam hal ini, konsep Arif Budiman dapat membentuk insan yang berilmu pengetahuan, berkeperibadian mulia dan bersedia untuk menabur bakti. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan peristiwa bahasa dalam novel pilihan berdasarkan Kerangka Konsep Komponen Komunikasi Muriel Saville-Troike (2003). Seterusnya, menganalisis peristiwa tersebut menggunakan konsep Arif Budiman yang telah diperkenalkan oleh Azhar Ibrahim Alwee (2011). Komponen Komunikasi Muriel Saville-Troike merangkumi sepuluh komponen, iaitu genre, topik, tujuan, latar, peserta, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan perilaku, peraturan interaksi dan norma interpretasi. Konsep Arif Budiman pula mencakupi sepuluh ciri, iaitu (1) akur akan haknya, (2) bertanggungjawab, (3) akal memperteguh sistem nilai, (4) progresif, kritis dan kreatif, (5) bangga akan bangsa dan budaya, (6) menghormati masyarakat berbudaya, (7) teguh meyakini agama, (8) keberanian moral, (9) menangkis sikap prejudis dan (10) akur akan sejarah. Data kajian sebanyak 37 peristiwa bahasa dikumpul daripada novel Nanyang (2015), karya Hafizah Iszahanid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan teks. Kajian mendapati bahawa terdapat 188 kekerapan bagi komponen komunikasi yang dapat dikenal pasti. Komponen "genre" dan "peserta" hadir dalam keseluruhan peristiwa bahasa (19.7%) diikuti "tujuan" (15.6%) dan "topik" (15.4%), manakala komponen "peraturan interaksi" (0.5%) dan urutan perilaku (0.5%) mempunyai kekerapan yang paling rendah. Analisis menunjukkan bahawa terdapat 71 kekerapan peristiwa bahasa dalam novel Nanyang yang mempunyai perkaitan erat dengan konsep Arif Budiman. Ciri Arif Budiman yang

paling dominan dalam novel ialah “akal memperteguh sistem nilai” (26.8%), diikuti “bertanggungjawab” (16.9%), manakala kedudukan paling rendah ialah ciri “akur akan sejarah” (1.4%). Kajian ini diharap dapat menambah pengetahuan masyarakat, terutamanya generasi muda tentang kepentingan untuk menghayati konsep Arif Budiman dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, konsep ini dapat dijadikan panduan kepada masyarakat untuk mengamalkan sistem nilai yang baik dan memperkukuh jati diri bangsa walau di mana sahaja berada.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Arts

**SPEECH EVENTS BASED ON THE ARIF BUDIMAN CONCEPT IN THE NOVEL *NANYANG***

By

**ADIBA NUR'AIN BINTI SHAHARUDDIN**

**November 2021**

**Chairman : Associate Professor Norazlina binti Mohd Kiram, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Good values become the essence of an individual's identity development. Appreciation towards good values help to produce human capital that are capable of highly praising their religion, customs, and culture. Nevertheless, this appreciation of good values is observed to be decreasing, and the same applies to the decline in etiquettes and courteousness among the public. Apart from that, the community's understanding regarding the Arif Budiman concept is still vague, making it difficult to be realised. In this case, the concept of Arif Budiman can form a person who is knowledgeable, has a noble personality, and is willing to contribute. Accordingly, this study aimed to categorise speech events in a selected novel based on Muriel Saville-Troike's (2003) Components of Communication Conceptual Framework. Furthermore, this study analysed the events by applying the Arif Budiman concept introduced by Azhar Ibrahim Alwee (2011). The Components of Communication by Muriel Saville-Troike (2003) consist of ten components: genre, topic, purpose, setting, participants, message form, message content, act sequence, rules for interaction, and norms of interpretation. Meanwhile, the Arif Budiman concept comprises ten features, namely (1) abide by one's rights, (2) be responsible, (3) common sense strengthens the value system, (4) be progressive, critical, and creative, (5) be proud of one's nation and culture, (6) have respect towards cultured society, (7) firmly have faith in religion, (8) moral courage, (9) avoid prejudice, and (10) abide by history. The research data concerning 37 speech events were gathered from *Nanyang* (2015), a novel by Hafizah Iszahanid. This study used the qualitative approach and text content analysis method. The study identified 188 frequencies of communication components. The "genre" and "participants" components were present in all speech events (19.7% respectively), followed by "purpose" (15.6%) and "topic" (15.4%); whereas the "rules for interaction" and "act sequence" component had the lowest frequency (0.5%). The analysis showed that there were 71 frequencies of speech events in the novel *Nanyang* that had a close relation with the Arif Budiman concept. The most dominant feature of the Arif Budiman concept found in the novel was "common sense strengthens the value

system” (26.8%), followed by “be responsible” (16.9%). The lowest ranked feature was “abide with history” (1.4%). This study is expected to increase the community’s knowledge, especially the young generation, on the importance of appreciating the Arif Budiman concept in daily life. Overall, this concept can become a guide to the community to practise a good value system and to strengthen the identity of the nation wherever they are.



## PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T,

Alhamdulillah. Syukur, dengan izinNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun diduga dengan pelbagai cabaran dan rintangan.

Rasa syukur dan kasih ingin didedikasikan buat ayah dan umi, Shahrudin Ajam dan Zuraidah Ibrahim yang tidak pernah berhenti mendoakan dan menjadi pemudahcara kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini. Segala masa, keringat dan wang ringgit yang disalurkan untuk menyokong perjalanan ini amatlah dihargai. Semoga segala penat lelah ini berbaloi dan saya mampu membalasnya suatu hari nanti.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat penyelia saya, Prof Madya Dr. Norazlina Haji Mohd Kiram yang sentiasa sabar memberikan tunjuk ajar kepada saya. Terima kasih, Dr kerana sering memberikan kata-kata semangat di saat saya merasa lelah, dan sentiasa memperbetulkan segala kesilapan saya untuk memastikan saya menghasilkan sebuah penyelidikan yang bermutu. Terima kasih di atas segala masa, ilmu dan bimbingan yang berterusan. Segala jasa Dr tidak akan saya lupakan dan semoga ukhawah yang telah terbina ini kekal sepanjang hayat.

Ucapan terima kasih juga ingin dizahirkan buat Muhammad Izzuddin, Anis Syafinaz, dan Nur Anis Fadzil yang sentiasa menyokong jatuh dan bangun, dan tidak pernah lokek dalam memberikan bantuan kepada saya di saat saya memerlukannya. Baik dari segi sokongan emosi mahupun masa dan wang ringgit.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis penyelidikan ini. Semoga penyelidikan tesis ini dapat memberikan manfaat kepada penyelidik akan datang, dan semoga segala objektif yang cuba diketengahkan melalui tesis ini dapat difahami.

Salam sayang,  
**Adiba Nur'ain Shahrudin**



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Mater Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Norazlina binti Haji Mohd Kiram, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 April 2022

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Adiba Nur'ain binti Shahrudin, GS51474

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya

Dr. Norazlina binti Haji Mohd Kiram

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor. Madya

Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Definisi Operasional	9
1.7 Kesimpulan	11
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian Nilai Murni dalam Karya Kreatif	13
2.3 Kajian Konsep Arif Budiman dalam Pembentukan Sikap	16
2.4 Kajian Pembentukan Jati Diri dalam Masyarakat	19
2.5 Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian yang Dijalankan	22
2.6 Kesimpulan	24
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>25</b>
3.1 Pengenalan	25
3.2 Reka Bentuk Kajian	25
3.3 Kerangka Teori	26
3.3.1 Komponen Komunikasi Muriel Saville-Troike (2003)	26
3.3.2 Konsep Arif Budiman oleh Azhar Ibrahim Alwee (2011)	27
3.4 Kaedah Kajian	33
3.5 Data Kajian	33
3.6 Langkah Pengumpulan Data	33
3.7 Langkah Penganalisan Data	35
3.8 Kerangka Kajian	37
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	38
3.10 Kesimpulan	38

<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>39</b>
4.1	Pengenalan	39
4.2	Objektif 1 - Peristiwa Bahasa dalam Novel <i>Nanyang</i>	39
4.3	Objektif 2 - Peristiwa Bahasa dalam Novel <i>Nanyang</i> Berdasarkan Konsep Arif Budiman	41
4.3.1	Pengkategorian Ciri Arif Budiman	41
4.3.2	Komponen Komunikasi dan Ciri Arif Budiman dalam Peristiwa Bahasa	44
4.4	Objektif 3 – Peristiwa Bahasa dan Konsep Arif Budiman dalam Kalangan Masyarakat	82
4.5	Kesimpulan	88
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>89</b>
5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan	89
5.3	Cadangan	91
5.4	Penutup	92
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>93</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>105</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>119</b>

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Kerangka Konsep Arif Budiman	32
3.2 Langkah Penganalisisan Data Kajian	36
3.3 Kerangka Kajian	37



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1	Pengkategorian Peristiwa Bahasa Dalam Novel Nanyang	105
2	Jadual Pengkategorian Peristiwa Bahasa Berdasarkan Komponen Komunikasi Murriel Saville-Troike (2003)	114
3	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data daripada Pakar	118



## SENARAI SINGKATAN

MLCPRC	Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu
KPS	Kementerian Pendidikan Singapura
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
AB	Arif Budiman
PB	Peristiwa Bahasa
KKM	Kesatuan Melayu Muda
KOMSAS	Komponen Sastera



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Sistem sosial masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu sangat mementingkan harga diri, status dan maruah (Haliza Hamat & Normahdiah Seikh Said, 2016). Dalam hubungan ini, kepentingan menjaga harga diri dan kemuliaan peribadi ini wajar diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat untuk menonjolkan identiti bangsa dan memelihara maruah bangsanya. Nilai juga berkait rapat dengan budaya dalam menggambarkan perilaku manusia. Hal ini kerana, nilai budaya akan membentuk perilaku dalam sesebuah masyarakat (Norazlina Mohd Kiram, Coretta Herliana Kura & Kamariah Kamarudin, 2017). Oleh yang demikian, setiap masyarakat mempunyai sistem nilai tersendiri yang menjadi panduan, kriteria dan panduan untuk menentukan identiti anggota masyarakat. Setiap masyarakat di Malaysia mempunyai proses sosialisasi sebagai panduan kepada anggotanya untuk menyesuaikan diri dengan budaya, keadaan dan sistem masyarakat tersebut. Secara asasnya, proses sosialisasi ini merujuk kepada proses penyesuaian diri terhadap sistem nilai masyarakat ini merangkumi peraturan budaya termasuklah norma, nilai, adat dan kepercayaan yang harus dipatuhi (Rhoma Triatun, 2013). Walau bagaimanapun, senario yang ditonjolkan generasi ini amat membimbangkan kerana wujudnya ketidakseimbangan sistem sosial dalam masyarakat. Kelemahan sistem sosial ini akan mengakibatkan wujudnya nilai dan norma yang bertentangan dengan norma masyarakat (Mahzan Awang, 2016). Kelemahan dalam sistem sosial masyarakat ini tidak harus dipandang enteng kerana perkara ini akan menjejaskan keseluruhan masyarakat pada masa akan datang. Maka dengan itu, usaha untuk menyelesaikan masalah ini perlu dilakukan untuk mengembangkan potensi modal insan yang berguna terhadap masyarakat. Mohd Izani Mohd Zain (2016) mengatakan bahawa kemajuan sesebuah masyarakat dan negara, bukan hanya melalui pencapaian ekonomi semata-mata, tetapi bersandarkan kepada indikator seperti penghayatan nilai, akhlak yang mulia, etika ketamadunan yang tinggi serta mengamalkan gaya hidup yang berkualiti. Hal ini juga termasuklah peningkatan taraf sosial masyarakat yang berfokus kepada aspek moral, keagamaan dan pengamalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Pembentukan insan merupakan tonggak utama dalam pembentukan bangsa ke arah membangunkan masyarakat sejahtera dalam lingkungan sesebuah negara. Tamadun bangsa terbentuk sesudah kebudayaan bangsa tersebut melalui suatu tempoh tertentu. Kelahiran insan yang terbangun mindanya dan jiwanya mampu membangunkan seluruh peradaban dalam kehidupan umat. Keperibadian yang baik dan sahsiah yang utuh menjadi pemangkin dalam pembentukan tamadun manusia (Faridah Che Husain, et al, 2018). Keperibadian yang baik dan sahsiah yang utuh seterusnya akan membentuk

modal insan yang sentiasa mementingkan kesejahteraan bukan sahaja berfokus kepada diri sendiri, tetapi juga dalam konteks agama, bangsa dan negara. Oleh yang demikian, pembentukan nilai murni menjadi teras utama dalam membentuk jati diri seseorang individu. Secara asasnya, nilai murni adalah melakukan baik, peradaban dan tatasusila yang wujud dalam diri individu dan hubungannya antara manusia, alam dan tuhan (Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin & Nurul Hidayah, 2012). Sapie Sabilan et al (2016) mengatakan bahawa tanpa penerapan nilai murni, pembangunan dan pembentukan insan yang seimbang dari sudut akademik dan akhlak akan menjadi huru-hara. Menurut Tun Mahathir Mohamad, sekiranya seseorang individu itu tiada nilai murni dalam dirinya, nescaya dia akan menyalahgunakan segala ilmu atau kelebihan yang ada pada dirinya. Tugas menerapkan nilai murni dalam diri individu ini haruslah dipikul oleh sistem persekolahan dalam membentuk peribadi mulia (Azyyati Ahmad, 2018).

Bahasa dan nilai dalam diri juga saling berkait rapat. Hassan Ahmad (2004) menyatakan bahawa mencerminkan minda bangsa. Perkataan 'mencerminkan' merujuk kepada proses pembentukan realiti sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui penggunaan bahasa. Pandangan ini jelas menunjukkan bahawa pentingnya bahasa yang beradab, berlapik dan halus dalam pembentukan budaya sesebuah masyarakat. Penggunaan bahasa yang bersopan dapat melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan tahu menyesuaikan dalam pelbagai situasi. Hal ini kerana, masyarakat yang arif menggunakan bahasa akan berfikir sebelum mengeluarkan kata-kata kerana ingin mengelakkan konflik dan tidak mahu menyinggung mana-mana pihak (Sara Beden, and Indirawati Zahid, 2016). Sehubungan itu, kesantunan berbahasa akan mencitrakan keperibadian mulia seseorang sekali gus meletakkan seseorang pada tahap yang tinggi dalam masyarakat selain melambangkan asas jati dirinya sebagai orang Melayu (Tenas Effendy, 2011).

Pembentukan nilai dalam diri manusia ini bertetapan dengan konsep Arif Budiman yang diperkenalkan oleh Azhar Ibrahim Alwee (2011). Menurut Azhar Ibrahim Alwee, 'arif' merujuk kepada manusia berhemah dan pemikiran yang berhikmah, serta mempraktikkan kesantunan ketika berhujah dengan meletakkan pertimbangan yang sewajarnya berdasarkan pemikiran yang seimbang, manakala, 'budiman' pula merangkumi sikap seseorang yang teguh akal budinya, berilmu, prihatin akan lingkungannya serta sedia berbakti pada masyarakat dan bangsanya. Apabila perkataan 'arif' dan 'budiman' digabungkan maka terbentuklah satu konsep Arif Budiman yang difikirkan sempurna dalam usaha membentuk nilai baik dalam diri individu. Dengan kata lain, penghayatan terhadap konsep Arif Budiman akan melahirkan insan yang mempraktikkan nilai baik, berilmu pengetahuan, berkeperibadian tinggi dan tidak teragak-agak untuk menabur bakti. Konsep Arif Budiman menggariskan sepuluh ciri yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan, iaitu (1) akur akan haknya, (2) bertanggungjawab, (3) akal memperteguh sistem nilai, (4) progresif, kritis dan kreatif, (5) bangga akan bangsa dan budaya, (6) menghormati masyarakat berbudaya, (7) teguh meyakini agama, (8) keberanian moral, (9) menangkis

sikap prejudis dan (10) akur akan sejarah. Hal ini demikian kerana konsep yang merangkumi semua nilai murni yang baik akan membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai keperibadian unggul, terutamanya ketika menggunakan bahasa sebagai satu wadah komunikasi baik dari segi tutur kata mahupun tingkah laku. Konsep Arif Budiman turut diterjemahkan dalam penulisan karya kreatif seperti novel dan cerpen yang berkait rapat dengan pemikiran. Hal ini merangkumi cara hidup, sistem nilai, pegangan, kepercayaan dan falsafah yang mendasari kehidupan masyarakat. Bertitik tolak daripada sinilah pengkaji akan menjalankan kajian tentang konsep Arif Budiman dalam novel *Nanyang* berdasarkan peristiwa bahasa yang dipaparkan oleh pengarang.

## 1.2 Penyataan Masalah

Kajian ini memfokuskan kepada tiga permasalahan utama, iaitu berkenaan penghayatan nilai murni yang semakin berkurangan, pemahaman konsep Arif Budiman yang masih belum diberikan perhatian, dan kemerosotan budi bahasa dalam kalangan masyarakat.

Penghayatan merupakan tindakan dalam mejiwai sesuatu ilmu yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan tingkah laku seharian. Hal ini sangat berkait rapat dengan aspek kefahaman, perasaan dan amalan seseorang (Muhammad Fikri Nordin, 2017). Menurut Mohamad Khairi Ohtman, Asmawati Suhid, dan Samsilah Roslan (2015) tahap penghayatan nilai dalam diri individu khususnya golongan muda pada hari ini hanya berada pada tahap yang sederhana dan agak memuaskan sahaja, iaitu mereka kurang menerapkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Kurangnya penghayatan nilai menyebabkan mereka hanya memahami setiap nilai tanpa mengamalkannya. Hal ini menyebabkan masyarakat pada hari ini mudah dipengaruhi dan mula terlibat dengan gejala negatif yang membimbangkan (Nur Amalina Mohd Osman, 2018). Dalam hubungan ini, garapan penceritaan dalam novel juga mula mengabaikan nilai murni dan bercanggah dengan nilai estetika karya sastera (Ramlee Wahab, 2017). Penggunaan bahasa kasar dan kesat dalam penulisan novel semakin membimbangkan (Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Nor Syafizza Ahmad Tarmizi, 2019). Dalam konteks ini, penggunaan bahasa kasar dan kesat ini akan memberikan imej buruk dan pembaca tidak dapat dididik dengan nilai-nilai yang baik. Oleh yang demikian, novel *Nanyang* dipilih untuk melihat konteks sosial masyarakat dalam novel *Nanyang* yang dipersembahkan oleh penulis. Selain itu, novel ini juga dipilih untuk melihat sama ada nilai-nilai yang baik ada diterapkan dalam penulisan novel, mahupun tidak. Dalam usaha membentuk masyarakat yang mengamalkan nilai murni, nilai ini perlu dihayati terlebih dahulu. Dalam konteks kajian, penghayatan nilai ini turut mempunyai perkaitan dengan pemahaman terhadap konsep Arif Budiman dalam usaha membentuk individu yang bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara. Sekiranya nilai ini tidak menjadi pegangan dalam masyarakat, maka konsep ini akan terus dipinggirkan dan dianggap sama dengan nilai-nilai yang lain sedangkan konsep ini ternyata berbeza seperti yang diperkatakan oleh Azhar Ibrahim. Malangnya, masyarakat telah mula mengabaikan penerapan nilai murni seperti saling

bermuafakat, tolong-menolong, berlemah-lembut dan sopan santun (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah, 2015). Nilai murni yang mula terhakis inilah yang ditekankan dalam konsep Arif Budiman. Kehilangan falsafah budi dan penghakisan nilai-nilai yang baik dalam masyarakat merupakan suatu kerugian yang juga akan menyebabkan khazanah bangsa dan negara turut lenyap (Hadijah Rahmat, 2016).

Konsep Arif Budiman yang dikemukakan oleh Azhar Ibrahim Alwee (2008) masih belum diberi perhatian sehingga ke hari ini dan kefahaman sebenar masyarakat terhadap konsep ini masih lagi tidak jelas. Kajian tentang konsep Arif Budiman ini juga masih tidak meluas. Tidak dinafikan bahawa terdapat kajian yang telah dilakukan oleh sarjana seperti Adiba Nur'ain Shaharuddin & Norazlina Haji Mohd Kiram (2019), Haslindah Mispan (2015 & 2018), Juliyah Yaacob (2015), dan Hadijah Rahmat (2016), namun kupasannya masih terbatas dan hanya tertumpu kepada beberapa sudut, iaitu bahasa, sastera dan pendidikan tanpa membincangkan konsep ini secara menyeluruh. Kupasan yang tidak menyeluruh akan menyebabkan berlakunya salah faham dalam mentafsir konsep Arif Budiman. Menurut Annaliza Che Bakri (2013), pemahaman yang sempit dan kurangnya pendekatan kritikal tentang pemahaman menyeluruh terhadap konsep ini menyebabkan masyarakat menolak konsep ini sebagai panduan kepada pembentukan diri individu sedangkan konsep ini dapat membentuk sikap dan tingkah laku yang terpuji. Hal ini akan menyebabkan falsafah yang terkandung dalam konsep Arif Budiman ini sukar direalisasikan. Falsafah yang diperkatakan ini merujuk kepada 10 ciri Arif Budiman, iaitu akur akan haknya, bertanggungjawab, pertimbangan akal sebelum memutuskan sesuatu perkara, bersifat progresif, kritis dan kreatif, bangga terhadap budaya bangsa, menghormati segala perbezaan budaya yang berlaku dalam masyarakat, berpegang teguh kepada agama, mempunyai keberanian untuk menyuarakan kepincangan dan ketidakadilan, tidak bersikap prejudis dan tidak menafikan sejarah sebaliknya menjadikan sejarah sebagai iktibar dalam kehidupan pada hari ini. Apabila masyarakat tidak memahami konsep ini secara jelas dan terperinci, maka matlamat dan objektif konsep ini sukar dicapai.

Masyarakat Melayu dikatakan hidup dalam keadaan serba mewah sehingga mengabaikan adab kesantunan dan budi bahasa (Lee Lam Thye, 2016). Kecenderungan menggunakan bahasa yang bersifat kasar, keras, sinis, sindiran, dan herdik mula menjadi pilihan dalam masyarakat (Amirah Ahmad et al., 2019). Hal ini selari dengan pandangan Megat Al Imran Yasin (2020) yang mengatakan bahawa kata-kata kesat, bahasa yang kasar dan makian seolah-olah sudah menjadi sesuatu yang normal dalam kehidupan masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Oleh yang demikian, pengabaian nilai budi bahasa dan kesantunan ini akan menyebabkan hilangnya nilai afektif dalam diri individu. Dalam konteks kajian, kemerosotan budi bahasa dan adab kesantunan dapatlah dikaitkan dengan kurangnya penghayatan nilai arif dan budiman. Ini termasuklah sikap individu yang tidak arif dalam membuat keputusan, tidak peka dalam menggunakan bahasa, dan bersikap tidak

budiman dalam menyantuni manusia ketika bergaul dalam masyarakat. Keruntuhan adab dan akhlak ini juga akan menyebabkan semakin banyak krisis moral dan penyakit sosial yang menular dalam kehidupan masyarakat (Mohd Yusof, 2008). Pemasalahan ini dilihat mula berjangkit dalam penulisan novel, yang mana pengarang tanpa segan silu mula menggunakan kata-kata yang kasar dan kesat, sehingga ada yang menyentuh sensitiviti dalam masyarakat. Penggunaan bahasa kasar dan kesat ini akan melenyapkan bahasa Melayu yang murni dan gramatis sehingga menyebabkan bahasa Melayu terhakis sedikit demi sedikit (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Syafizza Ahmad Tarmizi, 2019). Masalah kemerosotan budi bahasa dan adab kesantunan ini bukanlah perkara kecil kerana jika tidak ditangani, hal ini akan terus menjadi barah dalam masyarakat dan merosakkan pembentukan generasi di masa akan datang (Sohana Abdul Hamid, 2016).

Secara keseluruhannya, masalah seperti kurangnya pemahaman dan penerimaan terhadap konsep Arif Budiman, kurangnya penghayatan nilai murni dalam diri masyarakat dan kemerosotan budi bahasa dan adab kesantunan yang berlaku menjadi pendorong kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Konsep Arif Budiman ini tidak dapat direalisasikan sekiranya masyarakat tidak jelas tentang matlamat dan objektifnya. Kurangnya penghayatan murni dalam masyarakat pula akan menyebabkan masyarakat tidak lagi mengamalkan santun dan budi bahasa dalam kehidupannya.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep Arif Budiman melalui novel *Nanyang*, karya Hafizah Iszahanid. Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti komponen peristiwa bahasa dalam novel *Nanyang* (2015) karya Hafizah Iszahanid berdasarkan kerangka konsep Muriel Saville-Troike (2003).
- ii. Menganalisis komponen peristiwa bahasa dalam novel *Nanyang* (2015) dengan menggunakan kerangka konsep Arif Budiman (2011).
- iii. Merumuskan perkaitan peristiwa bahasa dengan konsep Arif Budiman dalam novel *Nanyang* (2015).

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada tiga kepentingan utama, iaitu memperkukuhkan nilai murni dalam masyarakat, mendidik masyarakat menghayati konsep Arif Budiman, dan memupuk adab kesantunan dan budi bahasa dalam kalangan masyarakat.

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mendidik masyarakat dalam memperkukuhkan nilai murni, dan seterusnya membentuk tamadun bangsa yang berbudaya tinggi. Hal ini kerana, penerapan nilai merupakan topik penting yang diangkat dalam konsep Arif Budiman (Juliyah Bte Yaacob, 2015). Lee Lam Thye (2018) menyatakan bahawa sudah tiba masanya semua pihak melakukan perubahan tingkah laku dalam usaha mewujudkan masyarakat yang bertamadun dengan memyemai nilai murni dalam masyarakat terutamanya berfokus kepada generasi muda. Hal ini kerana generasi muda merupakan tonggak harapan negara yang bakal menjadi pemimpin dan menerajui negara di masa akan datang. Pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya menekankan kepentingan mendidik generasi muda dengan acuan yang jelas supaya dapat membentuk bakal pemimpin yang teguh pemikiran dan baik tingkah lakunya dalam mendepani hari yang mendatang (Zambri Mohd Isa, 2018). Ali Suradin & Eni Eryanti (2005) mengatakan bahawa penerapan nilai yang baik melalui kurikulum akan membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab seterusnya mampu melahirkan individu yang teguh keperibadiannya. Dalam konteks kajian, penerapan konsep Arif Budiman ini dapat membantu dalam pembentukan nilai seperti saling menghormati, bertanggungjawab, dan berani menentang penindasan. Sekiranya konsep Arif Budiman ini dapat diterapkan, kita dapat melahirkan masyarakat yang berubah seiring dengan perkembangan teknologi tetapi masih utuh mengamalkan nilai yang baik dalam pembentukan sahsiah diri dan masyarakat.

Konsep Arif Budiman secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat melalui sepuluh ciri yang seharusnya ada pada diri manusia dalam melahirkan insan yang mempunyai peribadi teguh dalam semua aspek kehidupan. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian yang menyeluruh terhadap konsep ini, minda masyarakat akan lebih terbuka untuk menghayati konsep ini dan seterusnya menerapkannya dalam kehidupan seharian. Kajian ini dapat mendidik masyarakat untuk menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, menggunakan akal dalam membuat pertimbangan selain progresif, kritis dan kreatif dalam menjalani kehidupan seharian. Seterusnya konsep ini juga dapat melahirkan masyarakat yang bangga dan hormat akan bangsa dan budaya tanpa bersikap prejudis serta mempunyai keberanian moral dalam mempertahankan hak dan keadilan sesuatu perkara. Selain itu, manusia yang arif budiman juga akan sentiasa akur akan haknya dan akur akan sejarah yang telah tertulis dan menjadikannya iktibar dalam kehidupan. Pada masa yang sama, konsep ini memperkukuhkan kepercayaan terhadap agama, yang menuntut penganutnya mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam menjalani kehidupan seharian. Namun, sekiranya konsep ini tidak dihayati dengan baik, matlamatnya tidak akan dapat dicapai (Annaliza Che Bakri, 2013). Dengan menghayati konsep ini, masyarakat akan memahami konsep ini dengan jelas dan seterusnya menerapkannya dalam diri.

Dengan melakukan kajian ini, konsep Arif Budiman ini dapat diperjelaskan kepada masyarakat secara lebih terperinci dengan memfokuskan kepada ciri-ciri yang dapat membentuk insan yang mempunyai nilai arif dan nilai budiman

dalam diri. Masyarakat dapat memahami konsep ini dengan lebih jelas dan mempraktikkannya dalam kehidupan harian. Hadijah Rahmat (2008) ada menyatakan bahawa untuk melahirkan insan yang memiliki nilai arif dan budiman ini, konsep Arif Budiman ini harus diberikan pemahaman dan pendekatan yang luas merangkumi keseluruhan masyarakat. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi membuka mata dan minda masyarakat untuk memahami konsep ini supaya dapat disebatikan dalam diri dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Hadijah Rahmat (2016) menambah bahawa makna dan bentuk budi juga harus diberi nafas yang baru, sesuai dengan perubahan dan tuntutan zaman. Masyarakat perlu dilengkapi dengan ciri-ciri Arif Budiman dalam diri untuk memastikan penerapan konsep ini mampu melahirkan insan yang berilmu pengetahuan dan berbakti kepada masyarakat serta negara. Sekiranya masyarakat memahami konsep ini dengan jelas, masyarakat akan mendapat gambaran tentang kepentingan mengamalkan nilai arif dan nilai budiman dalam kehidupan harian supaya dapat membentuk peribadi yang sejajar dengan tujuan konsep ini diperkenalkan.

Selain itu, kajian ini penting kepada kementerian terutamanya kementerian pendidikan di Malaysia untuk mengambil peluang agar menerapkan konsep Arif Budiman ini sebagai salah satu silibus dalam pembelajaran di sekolah dan universiti untuk memupuk sikap arif budiman dalam kalangan diri pelajar di Malaysia khususnya generasi muda. Hal ini penting untuk melahirkan individu yang arif dalam membuat keputusan, arif menggunakan bahasa dan bersikap budiman dalam menyantuni manusia. Hal ini seterusnya akan membentuk individu yang berkualiti bukan sahaja daripada aspek akademik, tetapi juga menjadi seorang manusia yang teguh mengamalkan nilai arif dan nilai budiman dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, manusia yang arif dan budiman akan bertindak tanpa mengabaikan ciri-ciri yang perlu disemai dalam diri seseorang individu arif budiman (Azhar Ibrahim Alwee, 2011). Dalam hubungan ini, antara ciri arif yang diperkatakan adalah sikap menilai sesuatu perkara sebelum memutuskan sesuatu. Orang yang membuat pertimbangan akal terlebih dahulu sebelum lakukan sesuatu perkara akan sentiasa menjaga tatasusila dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, nilai murni ini wajar dihayati dan diamalkan oleh golongan masyarakat dalam usaha mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara.

Konsep Arif Budiman ini juga dapat memperkasakan budaya tinggi dalam kalangan masyarakat, terutamanya daripada aspek santun dan budi bahasa. Nik Safiah Karim (2013) bersetuju bahawa dalam usaha untuk membentuk generasi yang berbudi bahasa dan memegang kuat kepada kesantunan, semua pihak harus berganding bahu mewujudkan kembali identiti bangsa dalam diri masyarakat. Dalam hubungan ini, nilai arif dan nilai budiman ini seharusnya dijadikan kayu ukur dalam usaha meningkatkan adab kesantunan dan budi bahasa masyarakat. Melalui sepuluh ciri yang digariskan dalam konsep Arif Budiman ini, nilai kehidupan dalam diri individu dapat dibentuk sekiranya konsep ini disebatikan dalam diri dan diamalkan oleh masyarakat. Ciri dalam konsep Arif Budiman ini juga ada menekankan aspek bahasa dan budaya yang santun.

Sebagai contohnya, kesantunan dan tatasusila merupakan lambang budi pekerti yang sering dikaitkan dengan masyarakat di Malaysia. Hal ini bertepatan dengan salah satu ciri yang ditekankan dalam konsep Arif Budiman, iaitu sikap hormat menghormati dalam masyarakat dan pada masa yang sama bertoleransi terhadap budaya orang lain. Untuk saling mewujudkan sikap hormat menghormati ini, nilai adab kesantunan dan budi bahasa harus dipelihara kerana sekiranya masyarakat tidak mengamalkan konsep dalam kehidupan, masyarakat akan cenderung untuk melakukan perkara yang tidak santun dan tidak berbudi bahasa. Hal ini seterusnya akan mengganggu gugat kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat dan seharusnya dielakkan sebelum berakar umbi dan menjadi barah yang merosakkan keseluruhan peradaban masyarakat dan manusia. Dengan menerapkan ciri yang dituntut dalam konsep Arif Budiman, tamadun yang berbudaya tinggi dapat dilahirkan. Selain itu, adab kesantunan dan budi bahasa ini penting untuk meminimumkan konflik dan perbalahan dalam kalangan masyarakat (Ayuni Mohamad Bakri & Rohaidah Kamarudin, 2019). Secara tidak langsung, konsep Arif Budiman yang menekankan kepentingan akal juga akan mengangkat sistem nilai dalam masyarakat yang mana manusia akan menggunakan akal sebelum membuat sebarang pertimbangan. Oleh yang demikian, penerapan arif dan budiman ini penting dalam diri individu untuk membentuk manusia yang sentiasa mempunyai pertimbangan yang sewajarnya sebelum melakukan sesuatu perkara demi menjaga keharmonian dalam masyarakat. Individu yang arif dan budiman akan sentiasa bijak membawa diri dalam masyarakat dengan memastikan kesemua ciri ini sehati dengan diri mereka. Apabila individu yang arif budiman ini berjaya dibentuk, nilai dan adab kesantunan dalam masyarakat juga akan dapat dipupuk dengan baik. Masyarakat yang saling menjaga nilai dan adab kesantunan secara tidak langsung akan mewujudkan keharmonian dalam negara yang pelbagai kaum seperti di Malaysia.

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada peristiwa bahasa yang diperkenalkan oleh Saville-Troike (2003) dengan menumpukan kepada genre, tujuan, topik, latar, peserta, urutan lakuan, bentuk mesej, kandungan mesej, peraturan interaksi dan norma komunikasi. Peristiwa bahasa dan mesej yang dipilih adalah berbentuk verbal yang terdiri daripada dialog dan perbualan. Semasa peringkat ini, pengkaji akan mengenal pasti peristiwa bahasa yang mengandungi komponen komunikasi seperti yang dibincangkan. Kajian ini juga akan melihat kepada konsep Arif Budiman yang dikemukakan oleh Azhar Ibrahim Alwee (2011), iaitu nilai arif dan budiman yang merangkumi sepuluh ciri. Sepuluh ciri berikut adalah (1) akur akan haknya, (2) bertanggungjawab, (3) sistem nilai diperteguh oleh akal (4) progresif, kritis dan kreatif, (5) rasa bangga terhadap budaya bangsa, (6) rasa hormat terhadap budaya masyarakat, (7) teguh meyakini agama, (8) keberanian moral, (9) menangkis sikap prejudis, dan (10) akur akan sejarah. Kaedah yang akan digunakan adalah analisis kandungan teks. Data kajian dikumpul berdasarkan 37 peristiwa bahasa yang terdapat dalam novel *Nanyang* karya Hafizah Iszahanid yang diterbitkan pada tahun 2015. Novel yang



berjumlah 176 muka surat ini pernah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2013.

## **1.6 Definisi Operasional**

### **Konsep**

Konsep merupakan isi pemikiran yang membolehkan pemikir mengaitkan sesuatu perkara dengan pemikiran lain yang akhirnya membentuk sesuatu idea. (Tyler Burge, 1993). Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid (2005), konsep dibentuk untuk membina sistem pemikiran. Oleh yang demikian, konsep ini wujud mendahului istilah. Istilah sesuatu perkara dibentuk bagi menggambarkan konsep yang ingin diperkatakan. Ciri-ciri sesuatu perkara dijadikan gambaran dalam pemikiran sebelum diberikan pengistilahan tertentu. Dengan kata lain, konsep merupakan gambaran kepada sesuatu idea dan mempunyai batasan dan rangkuman supaya sesuatu konsep itu dapat difahami dan dirujuk dengan jelas. Selain itu, konsep juga boleh diterjemahkan sebagai suatu gambaran ciri-ciri umum sesuatu objek, peristiwa atau fenomena yang berlaku. Calhoun & Acocella (2010) mengatakan bahawa konsep merupakan gambaran mental individu yang akan disimpulkan melalui pengalaman dan membentuk idea baharu. Konsep merupakan persoalan dasar bagi setiap perkara yang perlu diberikan perhatian sebelum perancangan dilakukan (Siti Nor Aisyah Ngadiran, 2012). Dalam konteks kajian, penyelidik menggunakan definisi Puteri Roslina Abdul Wahid (2005) yang mengatakan bahawa konsep dibentuk untuk membina sistem pemikiran. Hal ini jelas membuktikan bahawa konsep Arif Budiman ini dibentuk untuk menerapkan nilai yang baik dalam diri individu dengan mengubah persepsi dan pemikiran manusia tentang kepentingan konsep ini sebagai suatu panduan dalam pembentukan diri manusia.

### **Peristiwa Bahasa**

Peristiwa bahasa merupakan aktiviti yang melibatkan peserta, yakni orang yang mengambil bahagian dalam komunikasi dan boleh terdiri daripada satu orang, dua orang atau lebih, latar, saluran komunikasi, kandungan perbualan atau perbincangan, peraturan interaksi dan struktur interaksi (Rohaidah Haron, 2004). Dengan kata lain, setiap proses komunikasi yang berlaku pastinya menggambarkan peristiwa bahasa. Menurut Dell Hymes (1974) terdapat lapan komponen utama dalam menentukan peristiwa bahasa, iaitu Latar, Peserta, Tujuan Komunikasi, Urutan Lakuan, Ragam, Alat, Norma Interaksi dan Genre. Namun, Saville-Troike (2003) telah menambah menambah 2 lagi komponen, iaitu Kandungan Mesej dan Peraturan Interaksi. Peristiwa bahasa memperlihatkan cara masyarakat berkomunikasi dalam sesebuah komuniti, termasuklah cara bahasa disusun dan diatur sebagai suatu sistem kepada peristiwa komunikasi dan bagaimana masyarakat berinteraksi dengan sistem lain dalam konteks sosial (Norazlina Mohd Kiram, 2010).

## **Konsep Arif Budiman**

Konsep Arif Budiman diolah daripada Visi Arif Budiman yang diperkenalkan pada tahun 2005 oleh Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) di Kementerian Pendidikan Singapura (KPS). KPS menekankan kepentingan budi dan nilai dalam usaha membentuk insan yang berilmu pengetahuan, tetapi dalam masa yang sama menabur budi dan bakti kepada masyarakat (Mohd Aidil Subhan, 2015). Visi KPS ini menyatakan bahawa murid haruslah mempunyai ilmu, kemahiran dan sikap yang akan menjadikan murid tersebut seorang yang berhemah dalam kehidupan dan sentiasa berbesar hati memberikan bakti dan sumbangan terhadap pembangunan bangsa dan negara. Oleh yang demikian, visi ini dibentuk untuk membentuk murid menjadi individu yang mempunyai ciri-ciri Arif Budiman. Visi ini juga mengutamakan pengajaran bahasa dalam usaha membentuk jati diri seseorang murid. Azhar Ibrahim Alwee (2008) berpendapat bahawa KPS mengetengahkan visi ini untuk membina potensi akademik, sosial dan peribadi dalam diri seseorang individu. Berdasarkan visi ini, Azhar Ibrahim Alwee cuba mengangkat empat perkara yang penting, iaitu seseorang individu haruslah mempunyai ilmu, mengamalkan nilai yang baik, berkeperibadian tinggi dan sentiasa menabur nikmat bakti kepada masyarakat dan negara. Pada tahun 2008, Azhar telah mengemukakan konsep tentang pemikiran, cara hidup, dan cara bertingkah laku seseorang, iaitu konsep Arif Budiman. Secara umumnya, konsep ini merujuk kepada dua elemen utama, iaitu arif dan budiman. Melalui konsep ini, Azhar Ibrahim Alwee (2011) menggariskan sepuluh ciri yang menyentuh soal tanggungjawab manusia kepada Tuhan dan agamanya, ahli masyarakat yang berintelektual meliputi spritual, sains, teknologi dan sebagainya, masyarakat yang berani mempertahankan kepincangan yang berlaku, masyarakat yang berhikmah dalam membuat keputusan, dan masyarakat yang berpegang teguh kepada agama, selain mempunyai moral dan etika yang utuh. Azhar juga ada menyentuh soal keperluan individu yang akur akan haknya, akur akan sejarah yang melatari masa silam, individu yang tidak bersikap prejudis, individu yang bangga akan budaya bangsanya dan menghormati budaya dan bangsa masyarakat kelilingnya. Ciri yang dibincangkan oleh Azhar ini dapat membentuk nilai kehidupan dalam usaha membentuk manusia yang teguh jati dirinya dan jelas akan matlamat kehidupannya.

## **Novel**

Hizairi Othman (2000) mendefinisikan novel sebagai suatu medium untuk menterjemah realiti yang bersumberkan alam sebagai bahan cerita. Karya sastera seperti novel merupakan manifestasi pengarangnya (Nursham Abdul Aziz, 2015). Segala persoalan yang ditonjolkan dalam novel merupakan realiti kehidupan masyarakatnya yang dirakam oleh penulisnya berdasarkan fenomena yang berlaku di sekelilingnya. Lantaran daripada itu, ungkapan yang terhasil dalam karya sastera adalah refleksi kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh penulisnya. Hal ini disokong dengan pandangan Nor Raudah (2006) dengan mengatakan bahawa karya sastera dan realiti manusia itu saling berkait rapat kerana konflik-konflik yang

dibentuk oleh penulis adalah gambaran kepada realiti kehidupan masyarakat sama ada melalui pengalamannya sendiri atau pengalaman orang lain.

## 1.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan seterusnya memberi definisi kepada istilah penting yang digunakan dalam penulisan kajian ini. Berdasarkan bab ini, jelas menunjukkan bahawa kajian bertujuan untuk mengkategorikan peristiwa bahasa dalam novel *Nanyang* (2015) karya Hafizah Iszahanid berdasarkan kerangka konsep Muriel Saville-Troike (2003), dan kemudiannya menganalisis peristiwa bahasa dalam novel *Nanyang* (2015) dengan menggunakan kerangka konsep Arif Budiman (2011), serta merumuskan perkaitan antara peristiwa bahasa dengan konsep Arif Budiman. Kajian ini dilakukan berdasarkan tiga permasalahan yang berkaitan dengan penghayatan nilai dalam kalangan masyarakat, ketidafahaman masyarakat terhadap konsep Arif Budiman dan adab kesantunan dan budi bahasa yang kian merosot.

Seterusnya, kajian ini juga memperlihatkan bahawa konsep Arif Budiman mempunyai kepentingannya terhadap pengukuhan nilai pembentukan budaya tinggi yang mengamalkan adab kesantunan dan budi bahasa serta keperluan mendidik masyarakat memahami konsep ini dengan lebih jelas untuk memastikan matlamatnya tercapai. Kepentingan kajian penting untuk memastikan bahawa kajian ini mempunyai nilainya yang tersendiri dan segala aspek yang dibincangkan dalam bab ini penting untuk memastikan kajian dapat difahami secara terperinci dan dapat digunakan oleh penyelidik lain sebagai rujukan mereka di masa akan datang.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Bin Hamdan & Azharul Nizam Bin Zahari. (2010). *Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*. Dimuat turun dari [http://eprints.utm.my/10466/Konsep\\_Pendidikan\\_Bersepadu\\_Serta\\_Penerapan.pdf](http://eprints.utm.my/10466/Konsep_Pendidikan_Bersepadu_Serta_Penerapan.pdf)
- Abdul Rahim and Azharul Nizam. (2010). *Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah*. Konsep Pendidikan Bersepadu Serta Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pengajaran Matematik Menengah Rendah . pp. 1-7. (Unpublished)
- Abdul Rahim Abd. Rashid. (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Bin Mahmud & Amidin Bin Zin. (2003). *Amalan Nilai Murni Di Kalangan Pelajar: Satu Kajian di Terengganu Darul Iman*. Dimuat daripada <http://www.ipbl.edu.my/BM/penyelidikan/seminarpapers/2003/abrahmanMPKTKk.pdf>
- Abdul Rahman Embong. (2000). *Negara-Bangsa : Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Hassan, Bahasa Melayu Di Persimpangan: Antara Jati Diri Dengan Rempuhan Globalisasi. (2009). *Jurnal Kemanusiaan* 16 (2009), 59–81 [http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20\(59-81\)A\[1\].pdf](http://web.usm.my/kajh/kajh%2016/KAJH%204%20Abdullah%20(59-81)A[1].pdf)
- Adiba Nur'ain Shaharuddin dan Norazlina Mohd Kiram. (2019). "Aspek Budaya dalam Novel *Nanyang* Berdasarkan Konsep Arif Budiman". *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua 2019*, m.s. 1135
- Ahmad Munawar Ismail, and Zakaria Stapa, and Siti Aishah Suhaimi, (2012) *Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu*. *Jurnal Hadhari*, Special. pp. 143-154. ISSN 1985-6830
- Ah Meng. E. (1996). *Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ai Lee Tan. (1995). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerapan Nilai-Nilai Murni di Kalangan Pelajar-Pelajar*. Tesis ijazah Sarjana. Universiti Utara Malaysia.

- Ali Bin Suradin Eni Eryanti Yusoff (2005). Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG*. 485-495
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2005). Ihya' 'Ulum alDin. Tahqiq: Muhammad Sa'id Muhammad. *Qahirah: Dar al-Bayan al'Arabi*. Dimuat turun daripada <https://archive.org/details/IhyaUlumAIDinVol1/page/n105>
- Amirah Ahmad, Noriza Daud, Norizah Ardi, & Nurissammimayantie Ismail. (2019). *Ragam bahasa media sosial dalam isu yang sohor kini*. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Anantha Raman Govindasamy. (2016). Metodologi Penyelidikan. Bab dalam buku Asas Penulisan Tesis. Penerbit UMS, Kota Kinabalu Sabah. Penyunting " Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Sim Chee Cheang
- Annaliza Binti Che Bakri. (2013). *The Vision of Arif Budiman: A Case Study of Malay Language Education in Singapore*. Tesis Master. Universiti Nasional Singapura.
- Awang Sariyan. (2009). Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari*, 1 (1). pp. 1-29. ISSN 1985-6830
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1), 2019: 15 – 26 <http://journalarticle.ukm.my/12543/1/jatma-2019-0701-02.pdf>
- Azhar Ibrahim Alwee. (2011). Arif Budiman dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Singapura: Merungkai Konsep dan Pengertian Sosialnya. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 1 (2), 187-200.
- Azhar Ibrahim Alwee (2008). *Mengenali Konsep Arif Budiman dalam Pendidikan Anak Kita*. Berita Harian. Dimuat turun daripada <http://asas50.com/iltizam/2008/12/20/mengenali-konsep-arif-budiman-dalam-pe ndidikan-anak-kita-bh-20-12-08/>
- Azyyati Ahmad (2018). Terap Nilai Murni, Peribadi Mulia dari Sekolah – Tun Mahathir dlm. *Astro Awani Online*. Dimuat naik daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/terap-nilai-murni-peribadi-mulia-da-ri-sekolah-tun-mahathir-193278>
- Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum. (2008). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Singapura: Kementerian Pendidikan.

- Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum. (2015). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Singapura: Kementerian Pendidikan.
- Bassnett, S. 2005. *Translation Studies*. London: Routledge.
- Bernama. (2013). *Pupuk Semangat Hargai dan Hormati Kepelbagaian Budaya – Muhyiddin*. Mstar Online. Dimuat turun daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/02/08/pupuk-semangat-hargai--hormati-kepelbagaian-budaya--muhyiddin>
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods*. Ed. Ke-3. New York: Oxford University Press
- Calhoun, J. F & Acocella, J. R. (1990). *Psikologi Tentang Penyesuaian dan Hubungan Kemanusiaan* (Terjemah: Satmiko S. R). Ikip Samarang Pers: Semarang.
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 160-175
- Cresswell, J. W. (1994), *Research design: Qualitative & quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J.W. (2009). *Research design qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Ed. ke-3. Los Angeles: Sage.
- Denzin and Lincoln. (1994). *Collecting and interpreting qualitative materials*. California: Sage.
- Faridah Che Husain, Khairul Hamimah Mohd Jodi, Zawiah Hj. Mat, Fakhru Adabi Abdul Kadir (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Tisas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultam Alauddin Sulaiman Shah*, 433-448
- Faziela Abu Bakar @ Che din & Nik Rafidah. (2016). Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 52-63 <http://journalarticle.ukm.my/9866/1/108-213-1-SM.pdf>
- Foster, G.M. (1953). What is Folk Culture?. In *American Antropologist*, 55(2), 159-173. Dimuat turun daripada [https://www.jstor.org/stable/664584?read-now=1&seq=2#page\\_scan\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/664584?read-now=1&seq=2#page_scan_tab_contents)
- Hadijah Rahmat. (2016). Hilangnya Falsafah Budi Suatu Kerugian. *Harian Metro*. Dimuat turun daripada <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20161021/283313226983094>

- Hadijah Rahmat. (2008). Membina Minda dan Budaya Melayu Baru melalui Perekrayasan Pendidikan Bangsa. *Jurnal e-Utama*, 1, 8-223
- Hadijah Rahmat. (2008). Masuri S.N. dari jendela Arif Budiman dan Pembinaan Rumah Manusia Sejagat. *Seminar Masuri S.N (2008)*, 55-82. Dimuat turun daripada <https://repository.nie.edu.sg/handle/10497/15442>
- Hafizah Iszahanid. (2015). *Nanyang*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haliza Hamat & Normahdiah Seikh Said. (2016). Hati Budi Melayu dalam Skrip Drama Megat Terawis, Mahawangsa, 3(1), 11-24 .
- Haslindah Mispan. (2015). Mendukung Visi Arif Budiman dalam Arus Kedwibahasaan dalam *Bahasa Melayu dalam Konteks Budaya*, Zulkifli Osman et. al. Tanjung Malim: Penerbit UPSI, hlmn. 333-347
- Hassan Ahmad. (2004). Bahasa Melayu dan Minda Melayu: Satu Tinjauan Kritis. *Jurnal Melayu*. 1, 19-51.
- House, J. (2000). Linguistic Relativity and Translation. *Explorations in Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Hymes, D. (1974). *Foudation of Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Jamaliah Mohd Salleh. (2003). *Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Buku Teks : Kajian Terhadap Buku Teks Sains Menengah Rendah*. Thesis, Universiti Malaya.
- Jayanthimala Ramasamy. (2017). *Nilai Murni dalam Puisi Tradisional Karya Kanimozhi Kuppusamy*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://ir.upsi.edu.my/3359/>
- Juliyah Yaacob. (2014). Penerapan Nilai Berbudu Bahasa dalam Pengajaran Bahasa Melayu dari Perspektif Murid-murid Darjah Lima. *Proceedings of the Global Summit on Education 2014*, G199: 614-630.
- Juliyah Yaacob. (2015). *Penerapan Nilai dalam Konteks Arif Budiman dalam Bahasa Melayu dalam Konteks Budaya*. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/profile/Rozita\\_Che\\_Rodi/publication/312168681\\_Penyemaran\\_Semangat\\_Patriotisme\\_dan\\_Integrasi\\_Nasional\\_Melalui\\_Bahasa\\_Dari\\_Sudut\\_Unsur\\_Budaya\\_Melayu/links/5874395b08ae8fce4924fdc9/Pyenyemaran-Semangat-Patri-otisme-dan-Integrasi-Nasional-Melalui-Bahasa-Dari-Sudut-Unsur-Budaya-Melayu.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Rozita_Che_Rodi/publication/312168681_Penyemaran_Semangat_Patriotisme_dan_Integrasi_Nasional_Melalui_Bahasa_Dari_Sudut_Unsur_Budaya_Melayu/links/5874395b08ae8fce4924fdc9/Pyenyemaran-Semangat-Patri-otisme-dan-Integrasi-Nasional-Melalui-Bahasa-Dari-Sudut-Unsur-Budaya-Melayu.pdf)

- Kim Keum Hyun. (1996). *Konsep Jadi Orang Dalam Masyarakat Melayu : Satu Kajian Kes Di Negeri Terengganu*. Masters thesis, Universiti Malaya. [http://studentsrepo.um.edu.my/2451/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/2451/4/BAB_1.pdf)
- Kusyi Hirdan. (2016, Oktober 21). *Pertahan Budaya Murni*. Harian Metro. Dimuat turun daripada <https://www.pressreader.com/similar/283313226983094>
- Krippendorff, K. (2004). *Content Analysis: An Introduction to it Methodology*. California: Sage Publications.
- Lee Lam Thye. (2016). *Kita Sudah Kurang Budi Bahasa* dlm. Utusan Malaysia. Diakses pada 17 Mac 2020 <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/kita-sudah-kurang-budi-bahasa-1.204016#ixzz5SBUDUose>
- Lee Lam Thye (2018). *Perhebatkan Semai Nilai Murni dalam Masyarakat* dlm. Utusan Malaysia. Diakses pada 21 August 2020 <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/perhebatkan-semai-nilai-murni-masyarakat-1.707481>
- Maad Ahmad, Muhammad Yosef Niteh & Mohd Rozaifal Ibhram. (2017). *Antara Akal Dan Wahyu Dari Perspektif Islam*. E-Prosiding *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Ke-2*. Jilid 2. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/index.php/prosiding/prosiding-jilid2>
- Mahaletchimi Balakrishnan. (2011). *Pemikiran bersepadu 4k dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS*. Doctoral thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris <http://ir.upsi.edu.my/345>
- Mahzan Awang. (2016). *Mendepani Cabaran Perubahan Sosial*. Utusan Online. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/mendepani-cabaran-perubahan-sosial-1.376384>.
- Megat Al Imran Yasin. (2020). *Komen Jelik Bertebaran* dlm. Harian Metro 24 September 2020, <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/09/623734/komen-jelik-bertebaran> diakses pada 7 Januari 2021
- Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, Mohd. Izani Mohd Zain, & Muhammad Afifi Abdul Razak. (2004). *Kedaulatan Dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama*. In: *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme* (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Unpublished)



- Mohamad Khairi Othman, Asmawati Suhid, dan Samsilah Roslan. (2012). *Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini*. In: Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, 7-9 Okt. 2012, The Zon Regency by the Sea, Johor Bahru. (pp. 1-16). <http://jps.uum.edu.my/images/jps/18/JPS18-1-1.pdf>
- Mohammad Khairul Rawi. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran muhawarah di Sekolah Rendah*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya.
- Mohamed Khalid Nordin. (2016). *Pertahankan Budaya dan Warisan Bangsa*. Utusan Online. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pertahankan-budaya-dan-warisan-bangsa-1.370668>
- Mohd Aidil Subhan. (2015). *Sejarah Perkembangan Perancangan Bahasa Melayu dalam Pendidikan: Kejayaan dan Cabaran*. *Yang Terukir: Bahasa dan Persuratan Melayu*. Stamford Road, Majlis Bahasa Melayu Singapura <https://www.languagecouncils.sg/mbms/my/-/media/mlc/documents/yang-terukir-ebook-master---23-nov-2015.pdf>
- Mohd Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman & Rosnaini Hj. Mahmud. (2005). *Nilai-Nilai Murni Dan Pendidikan Berscpadu: Ke Arah Kemanusiaan Sejagat. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 4): Pendidikan Islam Ke Arah Kemanusiaan Sejagat*. Sangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. *Journal of Business and Social Development*, 4 (2), 48-57.
- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2015). *Penerapan Nilai Murni Menerusi Antologi Puisi Tanah Airku dalam Kalangan Peserta Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Malaysia*. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(1), 21-28
- Mohd Izani Mohd Zain. (2016). *Pembangunan Seimbang Ambil Kira Kemajuan Rakyat*. Berita harian. <https://www.bharian.com.my/node/123936>
- Mohd Majid Konting. (2005). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). *Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan*. *Jurnal Hadhari*, 3, 61-84. Dimuat turun daripada <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/viewFile/12231/3853>
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Syafizza binti Ahmad Tarmizi. (2019). *Penggunaan dan Penerimaan Bahasa Slanga dalam Novel Indie di Malaysia*. *e-Academia Journal*, 8(1), 17-30.

- Mohd Uzi Bin Dollah. (2007) *Penerapan Nilai dalam Pengajaran Guru Matematik Sekolah Menengah*. Satu kajian kes. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddaffi Hanafiah. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 33-46
- Mokmin Basri. (2012). *Model Polisi Maklumat: Kes Malaysia*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Fikri Nordin. (2017). *Amalan Penghayatan Pendidikan Islam Terhadap Murid Beragama Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Islamic Civilization. <http://eprints.utm.my/id/eprint/78784/>
- Muhammad Hadi Muhammad Melayong. (2018). *Nilai Budi dalam Budaya Brunei*. 24 Sept 2018. Media Permata. <https://mediapermata.com.bn/nilai-budi-dalam-budaya-brunei/>
- Muhammad Jailani Abu Talib & Siti Aishah Maduri. (2015). Kertas Kerja Memperelok Budi Memperindah Bahasa, hlm 178 – 192. *Seminar Bahasa Melayu 2015*, Diakses daripada <https://malaylanguagecentre.moe.edu.sg/khazanah-ilmu/seminar-bahasa-melayu/seminar-bahasa-melayu-2015>
- Muhammad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *Jurnal Pengajian Umum Asis Negara*. 11, 117-130. Dimuat turun daripada <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=71689>
- Ng Yi Jiu. (1998). *Pemaparan Budaya Popular di Malaysia: Satu Kajian Kes Ke Atas Laporan Konsert KRU Dan Michael Jackson Dalam Berita Harian*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Kari. (1986). *Bahasa Melayu Persoalan dan Pergolakan*, Kuala Lumpur: Gateway Publication House Sdn. Bhd
- Nik Safiah Karim. (2013). “Budi Bahasa Makin Terhakis” dalam. Utusan Online 10 Oktober 2013. [http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131010/ke\\_04/Budi-bahasa-makin-terhakis](http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20131010/ke_04/Budi-bahasa-makin-terhakis). Diakses pada 22 Mei 2020
- Noraslan Norasim. (2010). *Tinjauan Nilai Murni KBSM dalam Novel Komsas Peringkat Menengah Rendah*. Tesis Master. Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://ir.upsi.edu.my/494/>
- Norazlina Mohd. Kiram. (2002). *Kiasan Melayu dalam Pengucapan Awam : satu kajian teks ucapan*. Masters thesis, Universiti Malaya.

- Norazlina Mohd Kiram dan Juwairiah Osman. (2015). Nilai Kehormatan dalam Drama Tersasar di Jalan-Mu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 27-42
- Norazlina Mohd Kiram, Coretta Herliana Kura & Kamariah Kamarudin. (2017). Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN. *MAHAWANGSA*, 4(1), 1-16
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA*. Masters thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor & Faizah Ahmad. (2014). Percampuran Kod Dalam Novel 'The Wedding Breaker'. *Journal of Education and Social Sciences*, 4(Jun), 192-200
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad dan Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. Prosiding Seminar Ketahanan Nasional 2014: Diversity in Creating Unity. 23 Disember 2014. 117- 133.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animals Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*, October, 10(19): 17-23
- Nor Raudah Siren. (2006). *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amalina Mohd Osman. (2018). *Gesa Bendung Segera Gejala Buli*. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/forum/gesa-bendung-segera-gejala-buli-1.676397>
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud, Mohd Mahzan Awang, Mohd Izham Mohd Hamzah, Ruhizan Mohamad Yasin & Ramlee Mustapha. (2017). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18, 1-12
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Nyia, See Keng. (2004). *Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Sajak-Sajak J.M. Aziz dan T. Alias Taib*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia. Dimuat turun daripada [http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5844/1/FBMK\\_2004\\_21\(1-24\).pdf](http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/5844/1/FBMK_2004_21(1-24).pdf)
- Ong Puay Liu, Helen Ting, Ong Puay Tee & Ong Puay Hoon. (2010). 3R,1R or 3R + 1R? The Teachers' Dilemma. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 7, hlmn. 191-200.
- Othman, M. K. (2010). Peranan Sekolah Dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies* 11.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR I KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2005). DEFINISI DAN KONTEKS DALAM TERMINOLOGI BAHASA MELAYU *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 55-71
- Rahimad A. Hamid & A.S Hardy Shafli. *Akal Budi Melayu dalam Bahasa dan Sastera Moden*. (2017). Penerbit USM
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ruzman Md Nor, Nor Hayati Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid. (2013). Islam Dan Kearifan Tempatan Di Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jati*, 18(2013), 223-245.
- Rais Yatim. (2013). *Pantun & Bahasa Indah: Jendela Budaya Melayu Edisi 2*. Selangor: Endowment Publication
- Ramasamy, Jayanthimala. (2017). *Nilai murni dalam puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris. <http://ir.upsi.edu.my/3359/>
- Ramlee Wahab. (2017). Karya indie: Mencari antara permata dan kaca. 4 Jun 2017. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).
- Rashidah Mohamed Rafei. (2015). Usaha Masyarakat Melestarikan Pengajaran Bahasa Melayu di Singapura dalam *Bahasa Melayu dalam Konteks Budaya*. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/profile/Rozita\\_Che\\_Rodi/publication/312168681\\_Penyemaran\\_Semangat\\_Patriotisme\\_dan\\_Integrasi\\_Nasional\\_Melalui\\_Bahasa\\_Dari\\_Sudut\\_Unsur\\_Budaya\\_Melayu/links/5874395b08ae8fce4924fdc9/Penyemaran-Semangat-Patriotisme-dan-Integrasi-Nasional-Melalui-Bahasa-Dari-Sudut-Unsur-Budaya-Melayu.pdf](https://www.researchgate.net/profile/Rozita_Che_Rodi/publication/312168681_Penyemaran_Semangat_Patriotisme_dan_Integrasi_Nasional_Melalui_Bahasa_Dari_Sudut_Unsur_Budaya_Melayu/links/5874395b08ae8fce4924fdc9/Penyemaran-Semangat-Patriotisme-dan-Integrasi-Nasional-Melalui-Bahasa-Dari-Sudut-Unsur-Budaya-Melayu.pdf)
- Rohaidah Haron, (2004). *Perbicaraan di mahkamah syariah : suatu analisis*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Rhoma Triatun. (2013). *Peran Sosialisasi Nilai Dan Norma Dalam Keluarga Terhadap Perilaku Introvert Dan Ekstrovert Anak Di Sekolah (Studi pada Siswa di Madrasah Aliyah Negeri Yogyakarta III, Sinduadi, Mlati, Sleman, Yogyakarta)*. S1 thesis, Fakultas Ilmu Sosial. <http://eprints.uny.ac.id/18523/>
- Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa Sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu Dari Sudut Medan Semantik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman. (2018). Konsep Penerapan Dan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Conference Paper. *International Conference on Moslem Society 2016* at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Seiva Subramaniam, Ramiah. (2015). *Pemikiran Masyarakat Tamil Awal dalam Kesusasteraan Tamil Klasik*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Sumalee Nimmanupap. (1989). *Sistem panggilan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Thai : satu analisis sosiolinguistik*. Masters thesis, Universiti Malaya. Dimuat turun daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/736/>
- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Jogjakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita
- Tenas Effendy. (2008). Kearifan Orang Melayu Berbahasa. *Siri Syarahan Raja Ali Haji*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tiong Kiew Ha. (2006). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengamalan Nilai-Nilai Murni di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Taman Sri Skudai, Johor Darul Ta'zim. Satu Tinjauan. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tyler Burger (1993). Concepts, Definitions and Meaning. *Metaphilosophy*, Wiley 24(4), 309-325
- Sapir, E. 2000. The Status of Linguistics as a Science in Burke, Lucy (Eds.). *The Routledge Language and Cultural Theory Reader*. London: Routledge
- Sara Beden, and Indirawati Zahid, (2016) Pemetaan struktur peristiwa bahasa: komunikasi bebas konflik. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 16 (1).
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Saville-Troike, M. (2003). *The ethnography of communication: An introduction (3rd edition)*. Oxford: Blackwell Publishing
- Saville-Troike, M. (2004). Interaksi remaja: Hubungan Pemikiran, Bahasa, dan Wawasan. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 14-16 Disember 2004.

- Sayuti Mukhtar. (2017). *Indah Bahasa, Sulaman Budi*. Utusan Online. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/indah-bahasa-sulaman-budi-1.463263>
- Seiva Subramaniam A/L Ramiah. (2015). *Pemikiran Masyarakat Tamil Awal dalam Kesusasteraan Tamil Klasik*. Tesis Ijazah Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Special Issue, 214-226.
- Suhearyaniza Mat Hussin & Normaliza Abd Rahim. (2017). Peristiwa Bahasa dalam Kalangan Peniaga Kecil di Sri Serdang, Selangor. *Journal of Business and Social Development*, 5(2) hlmn. 95-101 <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/09/10-Peniaga-Kecil.pdf>
- Suriyana Daud. (2004). *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif dalam Mata Pelajaran Sains di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua di Sekolah Daedah Kuala Terengganu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia
- Suwardi Endraswara. (2006). *Metodologi Penelitian Kebudayaan*. Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press.
- Sternberg, R. J. (2001). Teaching psychology students that creativity is a decision. *The General Psychologist*, 36(1), 8–11.
- Syed Othman Syed Omar. (1993). Ikhtisar Perkembangan Novel Melayu 1876 – 1959. *Sari 11* (1993), 13-46.
- White, M.D. & Marsh, E.E. 2006. Content Analysis: A Flexible Methodology. *Library Trend* 55(1): 22-45.
- Yahya Buntat & Rozita Sanapi. (2003). Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel . *Jurnal Teknologi*, 30, 63-76
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, Rabil Hj. Mahyuddin. (1996). Penerapan Nilai Murni Merentasi Kurikulum: Satu Tinjauan. Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.

Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd. Ibrahim Nazri, Muhamad Hassan Abd. Rahman, Abd. Rahman Hj. Raffiee, et al. (1994). *Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Laporan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.

Zambri Mohd Isa. (2018). Cabaran Generasi Muda. Utusan Online dlm. Utusan Malaysia. Diakses pada 12 September 2020. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/malaysia-kita/cabaran-generasi-muda-1.651897>

